

## SSM wajibkan syarikat berdaftar beri maklumat BO

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan melaksanakan garis panduan baharu yang mewajibkan semua syarikat berdaftar memberikan maklumat mengenai pemilik bermanfaat (BO) masing-masing, mulai tahun depan.

Jika gagal berbuat demikian, syarikat boleh dikenakan kompaun sehingga RM50,000, selain tindakan turut dikenakan terhadap individu terbabit yang gagal mengemukakan laporan mengenai BO berkenaan.

BO adalah orang yang mendapat manfaat daripada keuntungan sesebuah syarikat walaupun penama syarikat orang lain.

Pengarah Bahagian Pembangunan Pengawalseliaan dan Perkhidmatan SSM, Norhaiza Jemon, berkata pihaknya akan memberi tempoh enam bulan kepada syarikat untuk mematuhi peraturan baharu itu selepas dilaksanakan, selewat-lewatnya hujung suku pertama tahun depan.

"Kita akan ambil pendekatan untuk membimbing mereka dahulu sebab kita tahu mungkin ada maklumat yang susah didapati terutama jika pemegang saham itu berada di luar negara.

"Justeru, kita perlu memastikan syarikat betul-betul faham mengenai garis panduan ini sebelum tindakan undang-undang diambil," katanya kepada media selepas menjadi panel pada forum 'Pendedahan Rasuah Melalui Ketelusan Pemilikan Bermanfaat,' di sini, semalam.

Norhaiza berkata, ketika ini, lebih 700,000 syarikat yang aktif di negara ini dan kebanyakan mereka mengisytiharkan BO melalui laporan tahunan.

"Persoalannya sama ada maklumat itu tepat sebagaimana yang kita berikan dalam garis panduan. Jadi, cabaran untuk kita adalah memastikan BO itu benar-benar tepat," katanya.